

## **Sejarah Melayu Nusantara terpecah kepada dua.**

Pertamanya ialah Proto Mala yang memang sedia ada di Nusantara. Proto Mala ini memang misteri namun kehadirannya dapat dikesan dalam bahasa Melayu, tulisan Rencong dan catatan-catatan bangsa purba lain. Perkaitan di antara bangsa Phoenicia (Kanaan) dan Mesir Purba dengan budaya Melayu Nusantara adalah kunci kepada teka-teki ini. Raja Perehu dan isterinya Hati adalah keturunan Proto Mala.

Apabila Nabi Ibrahim a.s tiba ke Nusantara untuk berdakwah, baginda membawa sekali budaya Phoenicia dan tulisannya sekali. Sebab itu ada tulisan Rencong. Tulisan-tulisan Phoenicia ini digunakan untuk menuliskan ajaran Ibrahim atau Brahma dalam tradisi Avestan Purba.

Dari sini muncul gaya tulisa Brahmi, yang digunakan untuk menuliskan kitab-kitab Veda. Kemudian Dravidian (Tamil, Telegu, Malayalam dll) mencedoknya. Kemudian barulah kaum-kaum Asia Tenggara seperti Burma, Tai dan Khmer mencedoknya.

Kita juga ada versi dari Brahmi ini iaitu Kawi dan Aksara. Nabi Ibrahim telah mengambil seorang puteri dari Nusantara sebagai isterinya. Puteri Mayang Mengurai ini punya gelar diraja dan 'ensign' bagi dinasti diraja ini adalah lambang 'Naga' atau 'Ular Besar'.

Dari perkahwinan Nabi Ibrahim dengan Puteri Mayang Mengurai (Keturah, panggilan di Sumeria dan Judah) inilah lahirnya satu ras baru yang lebih bijak dan maju (advance) iaitu Deutro Mala.

## **INILAH INTIPATI SIRI ALTER TERAHSIA BANGSA MELAYU.**

Anda boleh lihat siapa yang mula-mula sekali punya tulisan purba, Melayu Nusantara atau kaum-kaum India?

Rencong adalah setaraf dengan Brahmi dan Phoenicia namun tulisan Tamil, Devanagari, Khmer dan Tai adalah subBrahmi, iaitu ubahsuai atau dipengaruhi oleh skrip Brahmi.

Bahasa Sanskrit adalah bahasa cedokan dari Avestan yang merupakan bahasa suci kitab Zend Avesta yang berisikan ajaran Tauhid Nabi Ibrahim.

Cyrus The Great (Raja Koresy, Kurusy) menganut agama Ibrahim yang mentauhidkan Allah s.w.t. Cyrus menganut agama Zoroester (Zarathustra) yang dibawa oleh seorang nabi yang menyambung risalah Nabi Ibrahim. Nabi ini telah menentang orang Magus iaitu puak pagan yang menyembah api. Magus inilah yang membawa agama Majusi.



S:Jadi siapakah Melayu pada hari ini?Adakah orang Jawa itu Melayu?

J:Deutro Mala tiba dari utara semenanjung.Ketika itu Nusantara telah ada Proto Mala.Indochina ketika itu diduduki oleh Proto Mala.Ketika itu belum wujud lagi orang Tai dan Dai-Viet.Apatah lagi Siam Sam-sam

Yang ada mungkin sebahagian kecil aborigine Kecinaan seperti Mon atau Pyu.Boleh juga saya katakan bahawa Deutro Mala itu dahulunya tinggal di Indochina.

Jika kita angguk-angguk geleng-geleng dengan **Teori Melayu Berasal dari Palembang/Sumatera,MANA NAK CAMPAK ORANG CHAM?**

Orang Cham ini (dahulu menetap di pesisir pantai Vietnam dan sebahagian Kemboja) adalah benar-benar rumpun Melayu.Bahasa Cham adalah **SATU BENTUK BAHASA MELAYU PURBA**.Anda tahu asal kata 'Orang'?Ini berasal dari kata 'Uran' yang ditemui pada prasasti-prasasti Cham Kuno.'Uran Utan' sebagai contoh adalah kata Melayu Kuno merujuk kepada "orang Hutan' dalam bentuk moden.

Dari semenanjung barulah Deutro Mala ini bergerak ke pulau-pulau sekitarnya termasuk Sumatera.Mereka bercampur dengan Proto Mala.Di Tanah Jawa tidak dinafikan telah ada suku-suku Proto Mala ini.Percampuran Deutro Mala dan suku-suku Proto Mala di Jawa menghasilkan etnik Jawa pada hari ini.

**DEUTRO MALA INILAH MERUPAKAN NENEK MOYANG KEPADA MELAYU MODEN PADA HARI INI.**

Melayu Riau,Deli,Aceh,Kedah,Kelantan,Johor,Perak,Pahang,Terengganu,Bugis dan sebagainya adalah contoh warisan Deutro Mala yang pekat Kemelayuannya.

Di Tanah Jawa terutama di wilayah tengah agak kurang 'rasa Melayunya' kerana ia adalah percampuran Deutro Mala dan Proto Mala. Jadi ada percampuran darah di sini.

Namun dengan adanya orang Sunda yang punya budaya bercampur antara Kejawaan dan Kelayuan, menunjukkan bukti percampuran Deutro Mala dan Proto Mala di Tanah Jawa. Namun Melayu semenanjung adalah benar-benar Deutro Mala asli.

Sebab itu saya bahagikan kaum-kaum Nusantara kepada 3 bahagian:



1. Mala-Polinesia: Kaum-kaum Deutro Mala yang terbuka sifatnya dan tinggal di pesisir pantai. Profesion mereka adalah perdagangan maritim. Mereka banyak tinggal di semenanjung, Sumatera dan pulau-pulau lain.

2. Mala KeJawaan: Kaum-kaum Nusantara yang bercirikan budaya Kejawaan dari induk di Tanah Jawa.

3. Mala aborigine: Proto Mala yang tertinggal dari arus kemajuan. Mereka masih mengamalkan carahidup dan kepercayaan lama. Mereka tidak bercampur darah dengan Deutro Mala dan terasing dari perubahan. Orang Asli, Jakun dan Dayak adalah contoh aborigine.

Deutro Mala dahulunya tinggal di Indochina. Mereka ada yang sampai ke Yunnan. SEbab itu ada teori yang mengatakan Melayu berasal dari Yunnan.

SEbenarnya bukan Melayu itu dari Yunnan, tetapi populasi mereka ada yang sampai ke Yunnan (Yunnan terletak di selatan China dan bersempadan dengan IndoChina).

Macam orang Melayu Johor. Kita tahu di Singapura juga ada Melayu, namun adakah orang Melayu berasal dari Singapura?

SElepas etnik-etnik Cina yang kalah dan dibuli oleh etnik-etnik yang lebih gagah dan menantang perang bergerak beramai-ramai ke selatan, Deutro Mala ini makin terdesak dengan migrasi yang mendadak ramai ini. Dahulu bukan ada peraturan Pendatang Tanpa Izin.

Kaum-kaum Kecinaan ini mendadak bermigrasi ke Indochina dalam jumlah yang besar akibat dihalau oleh etnik seperti Han dan Monggol. Akhirnya Deutro Mala ini terdesak berpindah lebih ke selatan atau ke pulau-pulau sekitar Kepulauan Melayu.

Oleh itu jika kita ingin beritahu anak kita yang bertanya,

*"Orang Melayu sudah bina apa, ibu? Orang Mesir ada piramid, kita ada apa?"*



Katakan padanya, orang Melayu dahulu bina Angkor Wat dan Cham Tower.

Namun semua itu sudah berada di dalam wilayah orang lain, dan jadi hakmilik orang lain. Tahukah anda di satu sudut di dalam Angkor Wat, terdapat ukiran dua orang gadis berpakaian kebaya!

Senibina Angkor Wat adalah senibina warisan Funan.

Orang Melayu juga telah bina Borobudur yang merupakan satu keajaiban.

Jika orang Khmer berbangga dengan Bayon dan Angkor Wat yang punya panel relief yang banyak, di Borobudur lebih banyak panel relief ini malah seluruh Borobudur itu sendiri semacam satu bangunan galeri yang mempamerkan lukisan-lukisan!

Adakah Borobudur semata-mata dibina oleh orang Jawa? Majapahit?



**SALAH SAMA SEKALI!**

Borobudur dibina ketika era Srivijaya, jauh sebelum muncul Majapahit.


Ketika itu Tanah Jawa dibawah pengaruh Srivijaya.

Borobudur dibina oleh dinasti Sailendra yang berasal dari Sumatera.

Dan istimewanya dinasti ini ada kaitan dengan pengasas kerajaan Angkor, Jayavarman II. Jayavarman II inilah yang membawa budaya dan seni bina Sailendra-Srivijaya ke Kemboja.

**NAMPAK TAK DI SINI RAJA-RAJA DI ASIA TENGGARA ADA HUBUNGAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN SEPERTI RAJA-RAJA EROPAH.**





**S:**Bukankah itu semua adalah kuil Hindu dan Buddha?Nanti ada pihak yang kata awak mengagungkan sejarah Hindu-Buddha.

**J:**Ya,namun itu semua adalah hasil karya Bani Jawi sebelum di anugerahkan hidayah Allah.

Kita bukan hendak membincangkan tentang isu agama,namun topiknya di sini adalah pencapaian dan tamadun orang Nusantara,**TIDAK KIRA SEBELUM ISLAM DAN SELEPAS MENERIMA ISLAM.**Ini yang penting.

Adakah kerana ia adalah kuil Hindu dan Buddha,maka kita tidak mengaku ia adalah**SENIBINA MELAYU PURBA?FIKIRKAN.**

**MENGAPA KUIL-KUIL FIRAUN DI MESIR TIDAK DIMUSNAHKAN OLEH TENTERA ISLAM YANG MENAKLUK MESIR.**Mengapa Amru bin Al-'Ash,seorang sahabat nabi yang berjaya menakluk Mesir tidak memusnahkan kuil-kuil Mesir ini?

Jika mereka memusnahkan piramid dan segala senibina Mesir Purba ini,sudah tentu kita tidak akan mengenal siapa Raja Perahu dan Permaisuri Hati.

Sejarah tetap sejarah,namun bagaimana kita bertindakbalas dengan sejarah itu **ADALAH PERKARA TERPENTING.**

Daripada binaan-binaan ini kita tahu bahawa kita ada kemampuan dalam senibina.

Namun dari sejarah juga kita tahu bahawa nenek moyang kita mengambil pilihan yang tepat dalam menerima Islam sebagai cara hidup walaupun ketika itu zaman Imperialis telah tiba dan kita tidak sempat membangunkan binaan berciri Islam dengan banyak kerana banyak tenaga dan masa dihabiskan untuk menentang penjajah.

S:Terlanjur bercakap tentang Srivijaya,bolehkah terangkan struktur empayar ini secara ringkas?



J:Srivijaya ialah sebuah empayar maritim bersifat penguasaan perdagangan.Pelabuhan-pelabuhan terbaik di sekitar Kepulauan Melayu berada dalam naungan Srivijaya.

Setiap negarakota,pelabuhan dan negeri yang bernaung di bawah Srivijaya bebas memerintah dan mentadbir wilayah masing-masing.

Namun bila-bila masa balatentera Maharaja akan memantau aktiviti perdagangan di selat Melaka dan sekitar Kepulauan Melayu.

Kedah Tua,Langkasuka,Gangga Negara dan Gelanggi adalah antara wilayah naungan Srivijaya.

Konsep 'Federation' dalam Srivijaya berbeza dengan konsep Emperium China terhadap negeri-negeri naungannya.Maharaja China tidak berhak mengambil kekayaan Melaka contohnya namun Melaka membenarkan pedagang China berdagang di pelabuhan Melaka.

Namun Maharaja Srivijaya mengenakan cukai ke atas pelabuhan-pelabuhan Nusantara menjadikan Srivijaya antara empayar terkaya di Timur Jauh. Ini ada dalam catatan pengembara Cina dan Arab. Malah Empayar Srivijaya pernah menggunakan matawang emas sebagai transaksi perdagangan.



*\*Prasasti tulisan Rencong*

S:Sejak bila empayar ini muncul?

J:Srivijaya adalah 'The Lost Empire' yang hanya diketahui oleh masyarakat Nusantara pada abad ke-20 selepas usaha-usaha penyelidikan dari Barat dan tempatan diusahakan termasuk perbandingan dengan rekod-rekod China dan Arab.

Pendapat yang popular yang mengatakan empayar ini bermula sejak abad ke-7 adalah kerana lawatan seorang sarjana dan sami dari China, I-Tsing yang menetap di salah sebuah kota empayar ini untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan agama Buddha.

Seterusnya ditemui juga pada abad ke-9 catatan-catatan pengembara Arab yang melawat Zabaja (Srivijaya) ketika itu.

SEbenarnya empayar ini telah lama wujud jauh sebelum abad ke-7 Masehi dan di mana para pengkaji masih berselisih pendapat tentang bilakah empayar ini ditubuhkan. Ada yang mengatakan seawal 3 Masehi dan ada yang berpendapat kerajaan ini sudah ada sekitar 1 Masehi.

Maharaja Srivijaya yang terawal dikenal adalah Dapunta Hyang Sri Jayanasa, itupun kerana ditemukan namanya pada Prasasti Kedukan Bukit dan prasasti-prasasti yang lainnya.

I-Tsing juga dikatakan menemui maharaja ini. Jika ketika itu catatan pengembara China ini menunjukkan bahawa Srivijaya adalah satu kerajaan yang kaya dan makmur maka sudah tentu Srivijaya telah wujud lebih lama dari saat I-Tsing menjejakkan kaki ke Nusantara. Satu empayar yang sudah mewah dan kukuh seperti itu sudah tentu telah melalui jangka masa yang lama untuk bangkit.



Kewujudan empayar ini ditimbulkan oleh sarjana Perancis, George Coedès sekitar 1918.

Di mana sarjana Belanda dan Inggeris yang menjajah Nusantara? Adakah mereka benar-benar tidak tahu kewujudan empayar ini?

**KITA KENA FAHAM SEBARANG PERKARA YANG MENAIKKAN SEMANGAT, JATIDIRI DAN IDENTITI AKAN MENYUKARKAN HEGEMONI IMPERIALIS.**

Jika rakyat Hindia Timur (nama lama Indonesia ketika era penjajahan) sedar tentang kegemilangan mereka dahulu maka ini mungkin akan membangkitkan jatidiri dan semangat nasionalis mereka.

Jadi sebenarnya kewujudan empayar ini telah lama diketahui oleh pihak Belanda namun sengaja disenyapkan. Baca catatan seorang sarjana Belanda yang ikut bersama-sama tentera Belanda yang menyerang istana Raja Lombok, di mana tentera Belanda dikatakan telah membakar perpustakaan istana yang menyimpan rekod-rekod penting sejarah Nusantara.

Manuskrip-manuskrip daun lontar yang jumlahnya mencapai ratusan musnah begitu sahaja. Antara yang sempat diselamatkan ialah Negarakertagama, yang menceritakan tentang Hayam Wuruk dan Majapahit. Itupun telah disimpan Belanda sehinggalah pada tahun 1973, naskhah asli kitab ini diserahkan kepada kerajaan Indonesia ketika kunjungan ratu Belanda, Juliana Louise Marie Wilhelmina van Oranje-Nassau.

Adakah isi perpustakaan Raja Lombok Cakranegara telah terbakar habis? TIDAK SAMA SEKALI.

**SEBENARNYA PIHAK BELANDA TELAH MENGANGKUT SEJUMLAH BESAR KHAZANAH MANUSKRIP NUSANTARA SEPANJANG PENJAJAHAN MEREKA DAN KINI TERSIMPAN KEMAS DI UNIVERSITI LEIDEN DAN LAIN-LAIN.**

Kisah rompakkan khazanah manuskrip berharga ini sama seperti kisah kapal The Fame yang belayar ke England sambil membawa beribu-ribu khazanah kitab, manuskrip, surat dan skrol.

**Kapal ini kononnya terbakar di tengah pelayaran padahal sebenarnya khazanah kita selamat sampai di bumi Eropah.**

Apabila satu universiti di sana mengadakan pameran surat-surat Melayu, alangkah terkejutnya kita dari mana mereka mendapat semua manuskrip dan surat-surat Melayu ini.

Saya sendiri telah menghadiri pameran ini sekitar 90-an dahulu dan hampir menitiskan airmata membaca bait-bait surat cinta seorang jejaka kepada kekasih hatinya yang ditulis lebih kurang 300 tahun yang silam. Betapa halusnyanya bahasa orang Melayu dahulu, betapa tingginya seni dan sastera mereka.



S:Jadi,bilakah wujudnya Srivijaya?

J:Empayar ini telah wujud sekitar ratusan tahun sebelum Masehi,secara peringkat demi peringkat.

Bermula dari sebuah negarakota kecil,mereka telah menakluk sedikit demi sedikit Nusantara.

Pada awalnya pemerintahan mereka berpusat di semenanjung,kemudian berpindah ke Sumatera,kerana mudah mengawal selat Melaka.

Ketika I-Tsing sampai ke kota Srivijaya,empayar ini telah berpusat di Sungai Musi berdekatan Bukit Siguntang.Ingat lagi perjanjian Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun?Demang Lebar Daun inilah antara maharaja Melayu Srivijaya yang tersembunyi dalam sejarah.

S:Menarik,Demang Lebar Daun adalah watak yang misteri dalam Sejarah Melayu.Berkenaan Sungai Musi dan Sumatera,ada teori yang mengatakan orang Melayu berasal dari Sumatera.?

J:Tidak sudah-sudah dengan teori yang kurang berpelajaran.Anda tahu apa tujuan orang-orang kurang cerdas ini buat teori-teori mengarut ini?

**TUJUANNYA SUPAYA UNTUK MENGATAKAN BAHAWA ORANG MELAYU BUKAN PENDUDUK ASAL SEMENANJUNG.**

Setengahnya mereka-reka bahawa orang Melayu berasal dari Yunnan,yang lain mengatakan dari Taiwan dan yang lain pula mengatakan dari Sumatera pula. Yang mana satu betul ini?

Jika anak-anak Melayu angguk-angguk geleng-geleng dengan semua teori dungu ini saya tidak hairan satu hari nanti mereka mungkin mengatakan bahawa orang Melayu berasal dari sukukaum alien dari Planet Zargus.

**Orang Melayu telah lama menetap di semenanjung,malah dahulu sempadan populasi Melayu sampai ke Indochina.**

Lama sebelum kerajaan Majapahit muncul,telah ada kerajaan Funan dan Champa.Ini adalah benar-benar kerajaan yang didirikan oleh rumpun Melayu.

Siapa orang Aceh?Mereka adalah keturunan Champa yang bermigrasi dari tempat asal mereka akibat perluasan kuasa oleh raja-raja Dai-Viet.Bayangkan dari Vietnam mereka berlayar sehingga ke Sumatera.

**JADI SEKALI LAGI,ORANG CHAM TELAH MENYELAMATKAN KITA.**

Perpindahan orang Cham ke Sumatera adalah bukti bahawa orang Melayu telah sedia ada di tanah besar.

Sukukaum-sukukaum Kemelayuan memang dari ras yang terbuka,cepat mesra dan berdiri di atas interaksi bersifat antarabangsa.

SEbab itu mereka cepat membina empayar jauh terlalu lama sebelum giliran sukukaum Jawa di Tanah Jawa membina empayar kebanggaan mereka,Majapahit.Raja-raja Majapahit itu sendiri bukanlah semuanya berdarah Jawa asli.

S:Apa maksudnya?

J:Mari kita belajar sejarah Majapahit.Ketepikan sikap dungu sesetengah orang seberang yang buta sejarah.

Saya akan bukakan rahsia sebenar **BUAH MAJA YANG PAHIT**.Hanya waris berdarah BUAH MAJA YANG PAHIT tahu rahsia keturunan mereka.

Pengasas Majapahit,Raden Wijaya adalah anak kepada Rakeyan Jayadarma dan Dyah Lembu Tal.Rakeyan Jayadarma adalah anak kepada pemerintah kerajaan Sunda Galuh manakala ibunya,Lembu Tal adalah berdarah kerabat Singhasari.

Jadi dari sini kita tahu bahawa Raden Wijaya adalah berdarah campuran Sunda-Jawa.Raden Wijaya mempunyai 5 orang isteri di mana empat darinya adalah puteri Kertanagara,raja terakhir dinasti Singhasari yang dibunuh oleh Jayakatwang,seorang gabenor sebuah wilayah naungan Singhasari yang memberontak.

Saya tidak mahu sentuh 4 orang isteri berdarah kerabat diraja Singhasari ini,saya mahu sentuh tentang seorang lagi isteri Raden Wijaya,kerana dia adalah satu-satunya isteri pengasas Majapahit itu yang MELAHIRKAN ANAK LELAKI.

Dia bernama Dara Petak.Anda tahu siapa Dara Petak ini?

Dia adalah puteri kepada Srimat Tribhuwanaraja Mauliwarmadewa,raja kerajaan Dharmasraya,penyambung dinasti kerabat Srivijaya yang masih tinggal setelah empayar Srivijaya berpecah.

Dara Petak adalah berdarah Melayu dinasti Malayu Dharmasraya,tinggalan Srivijaya.

Ketika kunjungan hormat Singhasari ke Dharmasraya,rombongan Kertanagara telah menghadiahkan Arca Amoghapasa,satu arca seni yang dibuat khas sebagai persefahaman diplomatik.

Ekspedisi ini sering digelar sebagai Pamalayu dan disalahtafsir sebagai '**Perang ke atas Malayu**'.

Ini adalah tafsiran yang kurang tepat kerana bagaimana Kertanagara boleh menghantar satu arca yang tinggi seninya dalam masa mahu berperang?

**SEBENARNYA KERTANAGARA MAHU MENYATUKAN KERAJAAN-KERAJAAN SUMATERA BERSAMA SAMA MEREKA MENGHADAPI SERANGAN MONGGOL YUAN.**

Tanpa sokongan balatentera dari kerajaan-kerajaan Nusantara lain,susahlah Singhasari mahu menghadapi tentera Monggol yang terkenal amat ganas.



SEbagai balasan,raja Malayu Dharmasraya telah menghantar dua orang puterinya,Dara Jingga dan Dara Petak untuk dijadikan sebahagian keluarga kerabat diraja Singhasari untuk mengeratkan hubungan baik antara dua kerajaan.

Dara Petak berkahwin dengan Raden Wijaya, menantu Kertanagara yang kemudiannya mengasaskan Majapahit.

Dari perut Dara Petak, lahirlah satu-satunya zuriat lelaki Raden Wijaya, iaitu Jayanagara dan dia inilah maharaja kedua Majapahit setelah ayahnya meninggal dunia.

Jadi maharaja kedua Majapahit ialah dari keturunan Melayu-Jawa.

Dara Jingga pula berkahwin dengan seorang pendeta yang dihormati. Dari perkahwinan ini lahir Adityawarman yang kemudiannya menjadi jeneral perang Majapahit dan kemudiannya menubuhkan kerajaan Pagar Ruyung atau nama lamanya Malayapura (Kota Melayu).

Dalam sejarah Bali pula, seorang anak Dara Jingga ini menurunkan keturunan raja-raja Tabanan dan Badung.

Hmm...seorang keturunan Melayu-Jawa menjadi asal-usul raja-raja Bali.

SEbab itu orang Melayu dan Jawa berkongsi budaya dan langgam bahasa kerana dahulu nenek moyang kita berhubungan di antara satu-sama lain, bukan hanya duduk di kampung bagai katak di bawah tempurung.

Jadi kalau darah Melayu sudah ada pada raja-raja Bali, adakah mereka tidak ada kena mengena dengan keris Bali, silat, batik dan tariannya sekali? Ini bukan rakyat biasa, ini keturunan raja-raja.



S:Menarik sungguh cerita raja-raja Nusantara dahulukala ya! Nampaknya mereka ini mengamalkan perkahwinan campur untuk menghasilkan ras diraja yang unik dan terbaik.

J: Ya, kita tidak boleh menyebutkan sejarah Majapahit tanpa menyebutkan peranan Sumatera, kerana tanpa Sumatera, orang-orang di Tanah Jawa tidak mampu membina empayar.

Raden Wijaya berdarah Sunda-Jawa dan anak lelakinya berdarah Melayu-Sunda-Jawa.

Sepupu Jayanagara, Adityawarman (dari sebelah Dara Jingga) adalah jeneral perang Majapahit dan bersama-sama Gajah Mada menawan wilayah-wilayah seperti Madura, Bali dan juga Sumatera.

Perkahwinan campur begini menghasilkan keturunan yang bijak pandai. Mereka pandai berdiplomasi dan berinteraksi antara sesama etnik Nusantara jadi ini memudahkan mereka membina empayar kekuasaan.

Jika raja-raja Nusantara ini bersikap dungu seperti bapak-bapak Indonan yang masih hingusan dengan sikap berpecahbelah sesama rumpun Nusantara, nyawa Srivijaya dan Majapahit tidak akan lama memerintah. Mungkin 4-5 tahun terus jatuh kerana tidak bersatu-padu.

Ada yang mahu berperang dengan saudara serumpun mereka dari Malaysia semata-mata berebutkan kain batik dan tarian padahal Cina Singapura yang acapkali menipu bapak Indonan ini dengan mencuri air dan 'mengancam' Indonesia tidak pula sibuk-sibuk mahu mengacukan buluh runcing kepada Singapura.

Takut? Takut dengan kuasa militer Singapura?

**MANA DIA JIWA BERANI GAJAH MADA DAN KERTANAGARA DALAM JIWA-JIWA PAK INDONAN INI?**

Kertanagara sanggup menghantar arca sebagai tanda persefahaman dengan Dharmasraya dalam menghadapi Monggol, namun bapak Indonan tidak mahu bersatu dengan kita untuk menghadapi ancaman tersembunyi Singapura.

Saya pernah membaca satu artikel seorang wartawan Indonesia yang menganalisis hubungan antara Singapura dan Indonesia. Alangkah sedihnya saya betapa negara sebesar Indonesia mampu diperkotak-katikkan oleh negara sekecil Singapura.

*Bapak Indonan lebih suka melompat-lompat terkinja-kinja memegang buluh runcing sambil menjerit "gayang Malaysia" saudara serumpun, sebudaya, sebahasa dan seagama dengan mereka dari mengambil tahu betapa Indonesia dibuli oleh Singapura secara senyap.*

*Orang Singapura yang mencipta video Tarian Pendet, bapak Indonan pula menari tarian Buluh Runcing secara tiba-tiba bagai dirasuk hantu Belanda. Begitu pelik penyakit mereka yang termakan racun Belanda. Padahal jika Indonesia dan Malaysia bersatu, mereka akan kembali menjadi harimau-harimau ekonomi sepertimana era Suharto-Mahathir dahulu.*



*Zionis Singapura campak racun di tanah,pak Indonan berebut-rebut menjilat racun itu sambil terkinja-kinja mahu ganyang Malaysia.Bila orang Malaysia dan Indonesia bergaduh berebut baju dan tarian,yang bertepuk tangan adalah Zionis Singapura.*

Sedih sungguh mendengar kedua-dua rumpun ini berebut tarian dan baju batik,namun sejuk mata saya apabila melihat Presiden Indonesia mengadakan kunjungan hormat ke Malaysia dan bertemu dengan Sultan Mizan.Kedua-dua mereka beramah mesra dengan masing-masing memakai songkok.

S: manakah betul rumpun Melayu atau rumpun Siam?

J:Untuk mengetahui yang mana betul,kita lihat apakah bahasa yang benar-benar berkuasa menjadi bahasa penyatuan Nusantara.

Adakah anda dan saya ini sekarang bercakap bahasa Siam Ayutthaya?

Raja-raja Melayu juga pernah diburu,dijatuhkan dari takhta atau ditakluk.Namun bahasanya tetap menjadi lingua franca Nusantara,bukti kerajaannya pernah menjadi empayar.

Raja-raja Ayutthaya juga diburu namun siapa yang mahu bercakap bahasa Siam?Raja-raja Ayutthaya ini sendiri mengharapakan orang-orang Melayu membantu mereka dari kejaran askar Thai.

Jadi akhirnya mereka terpaksa belajar bahasa Melayu dan menjadi orang Melayu.

Jika Ayutthaya pernah menjadi empayar,sekurang-kurangnya bahasanya tetap kuat sampai ke hari ini.Sepertimana negara-negara Amerika Latin seperti Mexico dan Brazil yang masih berbekas bahasa Sepanyol di sana kesan penjajahan.

**Mesir kini berbahasa Arab padahal sebelum menerima budaya Arab-Islam,orang Mesir ada bahasa dan tulisan sendiri.**

Negara-negara Timur Tengah majoriti berbahasa Arab hasil perluasan empayar-empayar Arab-Islam.

Mengapa bahasa Inggeris begitu penting berbanding bahasa Perancis pada hari ini?Ini kerana perluasan empayar imperialis British.

Jadi ini adalah kesan sosio-politik yang biasa.Bahasa Melayu senang diterima sebagai bahasa penyatuan kerana ia adalah bahasa standard yang digunakan oleh empayar-empayar Nusantara,terutamanya **DISEBARKAN KETIKA PEMERINTAHAN EMPAYAR MELAYU SRIVIJAYA.**

Sejarah Melayu ada di Tanah Jawa,apatah lagi di Sumatera.

Sehingga pulau Bali sendiri pun berajakan darah Melayu.

Anda tahu,tanpa bantuan cucu Raja Malayu Dharmasraya,Gajah Mada pun tidak mampu menakluk Bali.

Jadi pada awal pembentukan Majapahit,orang Melayu dan Jawa bekerjasama membina empayar Nusantara.

Sejarah Melayu juga ada di Kalimantan dan Borneo.Adakah Brunei itu kerajaan Batak Karo atau Jawa atau Siam Sam-sam?

SEjarah Melayu ada di Thailand,Kemboja dan Vietnam.

### **SEJARAH MELAYU ADA DI MANA-MANA SAHAJA DI ASIA TENGGARA.**

Jika benar Ayutthaya menjadi 'federation',raja-raja Ayutthaya mesti berdarahkan Melayu.

BUkan semata-mata Siam.Kita tidak pasti,adakah orang Siam Kedah ini berdarah campuran Melayu-Mon,Melayu-Thai atau Melayu-Khmer.

Ini kerana nama 'Siam' itu adalah panggilan umum kepada sukukaum-sukukaum utara semenanjung,ringkasnya Indochina.

Hari ini orang Thai dan Siam Ayutthaya ini berebutkan nama Siam ini.Nampaknya sekarang siapa yang terlalu panik mencari identiti?

### **ORANG MELAYU TETAP DENGAN KEMELAYUANNYA.**

Dan nama Melayu itu sendiri berjaya kekal sebagai inti dalam nama sebuah negara.Mungkin benar sumpah Hang Tuah,"**Tidak Melayu Hilang Di Dunia**".

Adakah hari ini ada negara bernama Siam?

Adakah negara bernama Jawanesia,Sundanesia,Bugisesia atau sebagainya?

Namun nama Melayu tersembunyi dalam nama sebuah negara.Ini bukan masalah adakah orang Melayu lebih hebat dari yang lain tetapi **BUDAYA KEMELAYUANLAH YANG PALING KUAT SEHINGGA MEMPENGARUHI BUDAYA ETNIK-ETNIK NUSANTARA.**

Jika orang Jawa hanya duduk diam di dalam pulau Jawa tanpa berinteraksi dengan orang Sumatera dan semenanjung,mungkin mereka hari ini hanya menjadi seperti kaum Batak atau Toraja sahaja.

Siapa yang bina Borobudur yang hebat itu? Siapa bina Prambanan? Rakai Pikatan dari dinasti Sanjaya?

Siapa permaisuri hati raja Sanjaya Mataram itu? Rakai Pikatan yang dikatakan membina Prambanan berkahwin dengan anak perempuan Samaratungga, MAHARAJA SRIVIJAYA.

Moralnya sekarang, kita berkongsi budaya yang sama kerana raja-raja Nusantara bercampur Gaul antara satu sama lain.

Melayu kawin Jawa, Jawa kawin Sunda, Sunda kawin Melayu dan seterusnya. Raja-raja ini memilih berkahwin dengan putera-puteri luar adalah bertujuan menghasilkan baka keturunan yang bijak pandai.

**S: Jadi adakah benar-benar ada sukuk kaum Melayu?**

J: Dimana sukuk kaum Melayu itu tinggal?

Orang Sunda tanah airnya di barat Jawa.

Orang Madura di timur Jawa.

Orang Jawa di tengah Jawa.

Orang Bugis di Kalimantan, Sulawesi dan Makasar.

Orang Siam, Tai, Khmer dan lain-lain sejarahnya hanya seputar di Indochina.

Namun di manakah Melayu itu jika benar-benar ada sukuk kaum Melayu?

Jika saya katakan memang ada sukuk kaum Melayu, maka ini bermakna tanah air sukuk kaum Melayu ini **ADALAH MENCAKUPI SEMENANJUNG, SUMATERA DAN BORNEO.**

Luas bukan? Sebab itu saya bahagikan rumpun Bani Jawi kepada dua subkategori;

Kemelayuan dan Kejawaan (tidak termasuk Proto Mala yang aborigine).

Ini adalah Deutro Mala yang membentuk orang Melayu dan orang Jawa pada hari ini.

**ORANG MELAYU DAN JAWA IBARAT DUA SAUDARA DARI SATU INDUK.**

Bukti kepada sejarah Kemelayuan yang agung adalah bahasa Melayu.

Mengapa bahasa ini tetap wujud dan menjadi bahasa persatuan Nusantara? Sebab-sebab politik dan sosial sudah saya terangkan namun sebenarnya terdapat satu rahsia lain.

S: Apa dia?



## **J:SEBAB DARAH DIRAJA EMPAYAR SRIVIJAYA MASIH MENGALIR SEHINGGA KE HARI INI.**

Warisan dari maharaja Srivijaya ini adalah Kesultanan Johor,Pahang dan Perak.

Kita tahu bahawa salah seorang keturunan Srivijaya ini telah membina kerajaan di Temasik (Singapura) selepas diancam oleh Majapahit yang mula meluaskan kuasanya.

Pernah dengar nama Sang Nila Utama?Makamnya masih ada di Fort Canning,Singapura.

Kemudian salah seorang keturunannya iaitu **Paduka Sri Maharaja** (terkenal dengan panggilan Parameswara) telah berpindah ke Melaka,membina kerajaan.

Kita tahu cerita selepas itu.Setelah kejatuhan Melaka,warisan Kesultanan Melaka masih berlangsung di Pahang (Kesultanan Pahang berasal dari keturunan raja Melaka dan Bendarahara),di Perak (Tengku Muzaffar Syah) dan Johor (Tengku Alauddin Syah).

**Jika diambilkira darah keturunan Srivijaya ini yang masih menjadi raja-raja,usia dinasti Srivijaya berusia lebih 1400 tahun!**

S:Sungguh menarik bila kita menyusuri sejarah Nusantara ya!

J:Sebab itu kita kena belajar sejarah kita sendiri,kalau tidak akan terjadi perpecahan akibat salah faham.

Kita berperang dengan orang lain padahal rupa-rupanya orang yang kita perangi adalah adik-beradik kita sendiri.

Sejarah juga berperanan sebagai pemangkin motivasi.

Satu-satunya negara yang mengabaikan sejarah ketika semua negara menumpukan kepada pembangunan sejarah walaupun semiskin Kemboja dan Burma adalah **negara kita**.

Sungguh sedih melihat cara ahli sejarah kita membuat kesimpulan sejarah.


Mesti mahu mengaitkan budaya kita datang dari luar.

Bila dijumpai ada aborigine Taiwan berbahasa rumpun Melayu,cepat-cepat terhegeh-hegeh menjilat buntut orang Barat dengan mendakwa orang Melayu berasal dari Taiwan.

Bila dijumpai ciri-ciri rumpun Melayu di Yunnan,tiba-tiba jadi separuh gila mengatakan Melayu berasal dari Yunnan pula.

Ketika ahli sejarah pemalas kita sibuk mengaitkan asal-usul orang Melayu dari pelbagai arah,para pengkaji Barat sedang sibuk mengkaji adakah orang Melayu ini warisan dari benua Lemuria atau Mu yang tenggelam.Menarik kan?

**KITA SEBENARNYA MEMANG DARI DULU BERADA DI SINI,DI SINI,DAN DI SINI.BUKAN DARI MANA-MANA.**



Siapa yang mahu mendekodkan semua manuskrip dahulukala kena kuat dalam pengetahuan sejarah.

Misalnya Hikayat Merong Mahawangsa.Ada kisah kapal putera Rom di serang garuda.

Lucunya ada orang yang percaya ia benar-benar burung garuda yang besar itu..**SALAH SAMA SEKALI.**

**Perlambangan 'garuda' adalah merujuk kepada Empayar Srivijaya.**

Ketika itu Srivijaya adalah tuan punya Selat Melaka.Siapa yang mahu lalu di selat ini mesti dipantau oleh kapal-kapal peronda Srivijaya.

Tidak dinafikan terdapat lanun-lanun di selat ini, dan lanun-lanun ini mempunyai hubungan dengan Srivijaya.

**Ini samalah seperti Kerajaan British yang mengupah privateer mereka sebagai lanun-lanun untuk merompak kapal-kapal Sepanyol di Atlantik dan Caribbean.**

Antara warisan Srivijaya yang tertinggal dalam budaya masyarakat Asia Tenggara adalah lambang garuda.

Lambang ini adalah lambang Srivichai dan diambil oleh kerajaan Khmer sebagai seni mereka, kemudian dcedok oleh Tai ketika serangan raja Tai ke ibukota Khmer menyaksikan pemindahan segala budaya Khmer ke istana raja Thai.

Catatan sejarah menyaksikan bahawa raja Tai mengangkut beratus-ratus penari, tukang ukir dan seniman Khmer ke ibukota mereka sekaligus menyerap segala budaya, tulisan dan kostum Khmer ke budaya Tai yang baru bertapak di Indochina.

Tai juga mencedok budaya negeri-negeri Melayu Kuno di selatan Indochina seperti Ligor dan Sri Dharmaraja. Gabungan dari semua budaya cedokan ini **lahirlah bangsa Thai sekarang.**

Di dalam Hikayat Anggun Cik Tunggal misalnya terdapat nama Raja Bedurai Putih.

Di dalam Hikayat Anggun Cik Tunggal, **Raja Bedurai Putih** dari Negeri Tambang Papan itu sebenarnya perlambangan dari raja Portugis, gabenor atau wakil raja atau sekurang-kurangnya raja dari sebuah negeri di Eropah.

'Bedurai' adalah kata 'viceroy' yang dimelayukan atau dalam versi lain menjadi '**wizurai**'.

*Anda boleh nampak sekarang, untuk memahami hikayat-hikayat Melayu, kita kena kuat asas kronologi sejarah. Jika tidak kod-kod dalam hikayat-hikayat ini tidak dapat dipecahkan. Samalah seperti untuk memahami rahsia tradisi Darah Naga dan 'Pisau Ular'.*

S: Bercakap mengenai Khmer, ada menyentuh mengenai pengasas Angkor atau Empayar Khmer iaitu Jayavarman II. Siapakah beliau sebenarnya?

J: Saya cenderung mengatakan beliau ialah gabenor atau mempunyai hubungan darah dengan dinasti Sailendra.

Dinasti Sailendra ialah raja-raja Srivijaya yang menetap di Jawa. Asal-usul mereka ialah dari Sumatera.

Jadi mereka adalah cabang dari keturunan diraja Malayu Sumatera.



Namun ada pengkaji yang menolak pendapat ini seperti Claude Jacques dan lain-lain.

Mereka mengatakan bahawa kata 'chvea' pada batu bersurat di Sdok Kok Thom itu merujuk kepada orang Cham.

Ini kerana pada pendapat mereka, Jayavarman II telah lama berhubungan dengan orang Cham dan ini lebih munasabah berbanding beliau tinggal di istana Sailendra di Jawa.

Bagi kita, mana-mana teori pun menunjukkan bahawa **budaya Khmer adalah berasal dari rumpun Melayu.**

Mengapa? Teori pertama mengatakan Jayavarman II berasal dari istana Sailendra.

Dinasti Sailendra berasal dari Sumatera, dari kerajaan-kerajaan Melayu Purba.

Teori kedua mengatakan Jayavarman II ada hubungan dengan orang Cham, dan **orang Cham adalah sememangnya rumpun Melayu** dan pernah mempunyai tamadun Melayu Purba yang agung!

Jadi budaya Khmer tidak dapat lari mesti duduk di bawah bayang-bayang sejarah Kemelayuan.

Sebab itu saya katakan **TAMADUN PURBA MELAYU ADA DI INDOCHINA**. Ini benar-benar The Lost Civilization of Malays.